AUTHOR: No author available SECTION: BISNES AUDIENCE : 112,705 PAGE: 26
PRINTED SIZE: 129.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 4,938
WORDS: 215 ITEM ID: DP0122576358



20 NOV, 2026

NTEC bekal arang batu bernilai AS$100j

Harian Metro, Malaysia

NTEC bekal arang batu bernilai AS$100j

Kuala Lumpur: Syarikat tenaga dan perlombongan Amerika Syarikat (AS), Navajo Transitional Energy Company (NTEC) menandatangani perjanjian selama tiga tahun bernilai AS$100 juta untuk membekalkan arang batu dari lombongnya di selatan Montana kepada anak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB), iaitu TNB Fuel Services Sdn Bhd, demikian diumumkan White House kelmarin.

Ini merupakan sebahagian daripada langkah AS untuk mengeratkan lagi hubungan dengan Malaysia.

Presiden Donald Trump membuka pasaran baharu untuk barangan AS dan mewujudkan peluang kepada syarikat negara itu, menurut Washington dalam kenyataan di laman webnya semalam.

Menurutnya, lawatan Trump selama dua hari ke Filipina untuk Lawatan Negara dan Sidang Kemuncak ASEAN ke-49 berakhir kelmarin dalam negara itu terus menyokong pekerjaan di AS dan memperkukuh kepimpinan diplomatik AS di rantau Indo-Pasifik.

"Presiden Trump dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa sebuah konsortium AS akan membangunkan infrastruktur awan Super Intelligence (SI) untuk kerajaan Malaysia melalui program US-ASEAN SI SPARK," menurutnya.

Trump turut mengumumkan perjanjian komersial dan pelaburan strategik bernilai lebih AS$17 bilion untuk syarikat AS yang akan menyokong puluhan ribu pekerjaan di AS, memperkukuh keselamatan serantau yang melindungi AS daripada aktiviti menyalahi undang-undang dan menyokong rantau Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka, sekali gus memberi manfaat ekonomi kepada syarikat, pekerja dan pengguna AS.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.